

CENDEKIAWAN



BELIA yang memiliki tahap kematangan politik yang tinggi lazimnya tidak terhimpit dengan agenda peribadi. – Gambar hiasan



RAMAI orang muda yang dikatakan memiliki latar belakang pendidikan yang tinggi tetapi bercakap di luar konteks kewarasan. – Gambar hiasan

Belia dan kematangan politik



Oleh **DZUHAILMI DAHALAN**

dzuhailmi@upm.edu.my

KEMATANGAN politik dalam kalangan generasi belia merupakan antara cabaran politik yang perlu terus diberikan perhatian. Ini merupakan cabaran penting ke arah menjamin kestabilan negara yang bertunjangkan masyarakat majmuk.

Belia yang memiliki tahap kematangan politik yang tinggi lazimnya tidak terhimpit dengan agenda peribadi yang boleh menghancurkan masa depan negara. Istilah matang merujuk kepada kedewasaan pemikiran seseorang.

Justeru, kematangan politik individu belia turut dikaitkan dengan kadar literasi politik yang dimilikinya. Istilah kematangan politik juga dihubungkan dengan sikap politik dan perilaku politik seseorang.

Kematangan politik adakalanya sukar dijangka. Ramai yang terkeliru serta menganggapnya sebagai produk akademik. Adakah sekadar mengikuti pengajian formal dalam bidang politik, seseorang itu dikatakan telah mencapai kematangan politik?

Pemerhatian mendapati, ramai orang muda atau politikus muda yang dikatakan memiliki latar belakang pendidikan tinggi tetapi bercakap di luar konteks kewarasan, memperbodohkan diri dengan kenyataan yang tidak masuk akal selain menyerlahkan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan negara.

Apakah ada jalan penyelesaian jika kita hanya pandai memburukkan pihak lain semata-mata dengan tujuan untuk meraih populariti? Apakah kita sedar bahawa kenyataan dan tindakan terburu-buru kita itu berpotensi menimbulkan panik dalam masyarakat?

Kematangan

Kematangan politik seseorang terzahir serta boleh dinilai melalui pandangan atau tindakan yang diluarkannya mengenai isu politik khususnya atau kenegaraan amnya selain kesediaan menerima kritikan daripada pihak lain dalam keadaan emosi yang stabil.

Asasnya ialah bagaimana seseorang itu menguruskan perbezaan melalui nilai peradaban yang tinggi. Perkara itu masih boleh diperhatikan yang mana terdapat segelintir pemimpin belia atau individu belia di negara ini yang berupaya menonjolkan diri mereka sebagai seorang

yang berkaliber dan dihormati.

Walaupun tidak dinafikan, sistem pendidikan formal penting bagi melahirkan kematangan politik belia negara namun kematangan politik merupakan satu nilai peradaban yang tinggi dan tidak mungkin boleh dicapai menerusi sistem pendidikan formal semata-mata.

Oleh sebab itu, sosialisasi belia dalam masyarakat arus perdana merupakan pelengkap kepada sistem pendidikan formal sedia ada bagi menghasilkan kematangan politik generasi belia negara.

Ini kerana, sosialisasi memberi ruang kepada seseorang mendalami norma-norma kehidupan persekitaran, sehingga berkembang menjadi satu peribadi yang unik. Malah, ia merupakan pengalaman sosial sepanjang hayat yang mana seseorang membangunkan potensi mereka serta mempelajari corak-budaya.

Dalam konteks demokrasi, sosialisasi politik ke arah memantapkan belia dalam politik

memerlukan budaya politik yang sihat, dibentuk dalam institusi sosial seperti keluarga, parti politik, masyarakat, agama dan pendidikan.

Namun, terdapat cabaran yang perlu ditangani ke arah ini. Mengambil parti politik sebagai contoh, adakah usaha yang serius telah dilakukan untuk menyediakan pendidikan politik kepada pemimpin pelapis mereka?

Ataupun pendidikan bukan dilihat keperluan penting kepada seseorang untuk menceburi bidang ini. Ini kerana citra politik hari ini dilihat seakan-akan hanya penuh dengan strategi memenangi serta mempertahankan kuasa.

Permainan persepsi

Kepesatan medium teknologi maklumat dan komunikasi terutama media sosial telah menyebabkan belia pada masa kini lebih cenderung untuk mengetahui hal ehwal politik.

Peluang itu perlu dimanfaatkan sebaik mungkin oleh institusi sosial dalam proses sosialisasi politik belia ke arah membentuk kematangan politik mereka.

Ini kerana, permainan persepsi yang berlegar di ruang maya telah banyak mempengaruhi minda belia negara.

Jika kesempatan itu tidak dimanfaatkan, negara sukar untuk membina kematangan politik dalam kalangan generasi muda yang dikhuatiri boleh menggugat keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia pada masa hadapan.



MALAYSIA merupakan sebuah negara berbilang kaum dan kematangan berpolitik perlu ada bagi menjaga sensitiviti semua kaum di negara ini.

PENULIS merupakan Pegawai Penyelidik Sosial Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia